

11 AUG 1997

Ramli - Cenderamata

CENDERAMATA MENTERI BESAR DISIMPAN DI DEWAN PAMERAN

IPOH, 11 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak akan mendapatkan semula semua cenderamata yang bernilai dan masih elok yang pernah diterima oleh semua bekas menteri besar negeri itu untuk dipamerkan kepada rakyat, kata Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib.

"Kita akan meminta keluarga bekas menteri besar terdahulu menyerahkan cendermata yang bernilai untuk tatapan semua rakyat," katanya selepas menyampaikan anugerah Perkhidmatan Cemerlang 1995 Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak di sini hari ini.

Beliau berkata cenderamata-cenderamata itu akan dipamerkan kepada orang ramai di Dewan Pameran Koleksi Cenderamata Menteri Besar yang akan di bina di Kompleks Bersejarah Pasir Salak.

Beliau mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan semua ahli politik dan kakitangan awam supaya mengisytiharkan kepada Perbendaharaan segala cenderamata berharga yang diterima bagi mengelakkannya dianggap rasuah.

Ramli berkata cenderamata itu akan diserahkan kepada koordinator Yayasan Perak yang akan menempatkannya di dewan pameran yang rekabentuknya sedang disediakan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Selain untuk tatapan umum, cenderamata yang disimpan di dewan pameran itu lebih terjamin selamat berbanding disimpan di rumah yang kadang-kala boleh hilang, katanya.

Beliau yang bersetuju dengan arahan Perdana Menteri itu berkata, kerajaan negeri akan mengeluarkan arahan berhubung penyerahan cenderamata itu termasuk kepada ahli politik dan kakitangan awam.

Mengenai cadangan ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi supaya budaya memberikan cenderamata digantikan dengan pemberian buku, beliau berkata terserah kepada pihak pemberi untuk menentukan bentuk hadiah yang mahu diberikan.

"Sekiranya upacara yang dihadiri tetamu berkenaan berkaitan kebudayaan maka lebih sesuai cendermata yang dihadihkan itu merupakan sesuatu yang mempunyai nilai budaya," katanya. -- BERNAMA

RZS WAT